

MAHATHIR-DAGANG

EMBARGO: UNTUK SIARAN HARI INI 13 JULAI SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM

1982

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENKKAJI KEMUNGKINAN MENJALANKAN PERDAGANGAN SECARA PERTUKARAN BARANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI, RANCANGAN ITU ADALAH SALAH SATU IKHTIAR UNTUK MENGATASI KEKURANGAN TUKARAN WANG ASING DI NEGARA-NEGARA ITU.

KEKURANGAN ITU MENGHALANG NEGARA-NEGARA TERSEBUT MEMBELI BAHAN-BAHAN MENTAH DARI MALAYSIA SECARA TUNAI.

KERUMITAN ITU ADALAH ANTARA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA SEMASA CUBA MEMPELBAGAIKAN PASARANNYA UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN NEGARA.

BERCAKAP DALAM RANCANGAN TV MALAYSIA 'HAL EHWAL SEMASA' PERDANA MENTERI BERKATA KEMUNGKINAN BAGI MALAYSIA MENUKARKAN PASARAN DARIPADA YANG SEDIA ADA ADALAH TERHAD.

-- LAGI 1907/AZ

B623

MAHATHIR-DAGANG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

WALAU PUN MALAYSIA TELAH CUBA MENGHALAKAN PASARANNYA KE ASIA BARAT, JUMLAH PEMBELIAN GETAH OLEH ARAB SAUDI MISALNYA TIDAK SEBANYAK YANG DIBELI OLEH AMERIKA SYARIKAT KERANA NEGARA ARAB CUMA MEMPUNYAI ENAM JUTA ORANG PENDUDUK BERBANDING 250 JUTA ORANG DI AMERIKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA SECARA JANGKA PANJANG, MEMPROSES SENDIRI BAHAN-BAHAN MENTAH DAN MENGEKSPORTNYA SEBAGAI BARANG SIAP DAN GEPARUH SIAP BUKANLAH CARA YANG TETAP BAGI MALAYSIA MENGATASI KEKURANGAN PENDAPATAN DARIPADA HASIL UTAMA.

SOAL PASARAN MASIH MENJADI MASALAHNYA KERANA JIKA PASARAN MEROSOT, BARANG-BARANG YANG SUDAH SIAP SEKALIPUN TIDAK DAPAT

DIJUAL, KATA PERDANA MENTERI.

MENURUT PERDANA MENTERI CARA YANG SEBENARNYA BAGI MENGATASI MASALAH DEMIKIAN IALAH CUMA DENGAN MEMPELBAGAIKAN PUNCA-PUNCA KEWANGAN NEGARA DAN MEMPERTINGKATKAN DAYA PENGELUARAN SUPAYA BAHAN-BAHAN KELUARAN NEGARA LEBIH BANYAK DAN MURAH.

DENGAN CARA DEMIKIAN BARANGAN-BARANGAN MALAYSIA AKAN MENJADI 'COMPETITIVE' DI PASARAN DUNIA DAN INI AKAN MEMAKSA PIHAK-PIHAK LAIN MEMBELI DARI NEGARA INI DAN BUKAN DARI SUMBER-SUMBER LAIN. -- LAGI 1910/AZ

86241

MAHATHIR-DAGANG 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT BAHAWA DALAM NEGARA INI MENGHADAPI AKIBAT DARIPADA PERLINDUNGAN PERDAGANGAN, PENGANGGURAN DAN KEMELESETAN DI NEGARA-NEGARA MAJU, ADALAH LEBIH BERKESAN BAGI MALAYSIA BERTINDAK DENGAN KEUPAYAAN SENDIRI.

MALAYSIA TIDAK SEPATUTNYA BERGANTUNG KEPADA TINDAKAN ORANG LAIN KERANA USAHA UNTUK MEMPENGARUHI MEREKA SUPAYA MEMAHAMI MASALAH NEGARA INI ADALAH SATU PERKARA YANG AGAK SUKAR KERANA NEGARA-NEGARA ITU LEBIH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN MEREKA.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKYAT BAHAWA PADA KESELURUHANNYA KESAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA TERHADAP NEGARA INI MASIH MINIMA BERBANDING DENGAN APA YANG DIALAMI OLEH LAIN-LAIN NEGARA.

PADA PANDANGAN DUNIA, EKONOMI MALAYSIA MASIH BERKEMBANG MAJU DENGAN KADAR PERTUMBUHAN LIMA PERATUS BAGI TAHUN INI SEDANGKAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA LANGSUNG TIADA PERTUMBUHAN DAN KALAU ADAPUN CUMA ANTARA SATU HINGGA DUA PERATUS SAHAJA.

DARI SEGI PENGANGGURAN PULA, KADAR DI NEGARA INI MASIH LIMA PERATUS SAHAJA SEDANGKAN DI AMERIKA SYARIKAT, YANG DULU CUMA DI PARAS EMPAT PERATUS KINI SUDAH MENINGKAT KEPADA 10 PERATUS.

NAMUN BEGITU KERAJAAN TIDAK MEMANDANG RINGAN TERHADAP KEADAAN SEKARANG YANG 'MENCEMASKAN' JIKA BERBANDING DENGAN KEADAAN MASA DAHULU, KATANYA. -- BERNAMA 1914/AZ